KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	06/12/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	37
JABATAN	:	SURUHANJAYA TENAGA			

BH 6.12.2021_37

Projek solar Ranhill buka peluang kerja

Projek solar berskala besar Ranhill Solar 1 di Ladang Bikam, Bidor dekat Tapah yang bermula tahun hadapan dijangka menyediakan peluang pekerjaan, selain membawa limpahan ekonomi kepada penduduk apabila siap dalam tempoh 18 bulan.

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad, berkata projek yang dilaksanakan oleh syarikat penyedia perkhidmatan tenaga solar Ranhill Solar 1 Sdn Bhd, anak syarikat milik sepenuhnya Ranhill Utilities Bhd (RUB), akan menjadi pemacu kepada penghasilan tenaga boleh diperbaharui di negeri itu.

Beliau berkata, pembangunan projek tersebut termasuk kerja reka bentuk, pembekalan, pembinaan, pengoperasian dan penyelenggaraan Loji Fotovoltan Solar Skala Besar berkapasiti 50MWac, bagi membekalkan tenaga elektrik selama 21 tahun mulai 2023.

"Ladang solar berpotensi untuk menyediakan tenaga bersih bagi memberi sokongan kepada perindustrian, pertanian dan memberi manfaat kepada ekonomi yang lebih luas, khususnya di daerah Bidor.

"Penggunaan tenaga amat penting dan agak tinggi di negara ini. Tanpa tenaga, aktiviti ekonomi tidak mampu berjalan secara efisien dan berterusan.

"Dua sumber utama tenaga iaitu 78 peratus daripada gas dan bahan api yang perlu dibeli, manakala selebihnya daripada tenaga lestari," katanya dalam ucapan pada majlis pecah tanah projek berkenaan pada Sabtu.

Saarani berkata, pembinaan loji solar yang berkeluasan 73 hektar itu secara tidak langsung mampu merealisasikan hasrat kerajaan untuk menjadikan Perak sebagai antara negeri rendah karbon menjelang 2030.

"Penghasilan tenaga hidro sering dikaitkan dengan ancaman kepada alam sekitar dan juga komuniti berdekatan, malah sungai yang menjadi sumber air bagi masyarakat Orang Asli akan terganggu, selain menjejaskan ekosistem hutan. BERNA-



Saarani mengendalikan jentera sempena majlis pecah tanah projek solar Ranhill di Ladang Bikam Bidor. (Foto Rosman Shamsudin/BH)